

**854 penduduk dapat geran komunal**

TENOM: Selepas 60 tahun muncurahkan keringat di tanah diterokai nenek moyang mereka, 854 penduduk tiga kampung di sini semalam akhirnya diberikan hak ke atas tanah itu melalui geran komunal yang disampaikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Penduduk Kampung Pangulobon I, Pangulobon II dan Kabintaluan kini mampu mengukir senyuman apabila masing-masing dipilih sebagai peserta program pembangunan tanah itu melalui pelaburan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB). Seramai 113 penduduk Kampung Pangulobon I diberikan hak pemilikan secara bekelompok ke atas tanah seluas 720 hektar, 41 penduduk di Kampung Pangulobon II (200 hektar) dan 700 penduduk Kampung Kabintaluan (2,640 hektar). Pada majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Pangulobon I, Larau Abau; Timbalan Pengerusi JKKK Kampung Pangulobon II, Ampang Ahil dan Wakil Ketua Anak Negeri Kampung Kabintaluan, Antarik Bali menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan SLDB yang diwakili Timbalan Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Mohd Yassin dan Pengurus Besarnya, Juvairi Majid. Melalui MoU itu, setiap peserta akan menikmati pendapatan RM1,100 sebulan selepas kelapa sawit yang dimajukan SLDB mengeluarkan hasil dalam tempoh lima tahun.

Mereka menerima geran itu daripada Najib pada program Juara Rakyat 1Malaysia anjuran UMNO Bahagian Tenom di Padang Pekan Kecil Kemabong, kira-kira 30 kilometer (km) dari sini. Berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, masa depan dan kehidupan penduduk terbabit kini lebih terjamin melalui geran tanah komunal. "Yang pasti setiap isi rumah terbabit akan melepassi tahap kemiskinan selama-lamanya dan inilah yang saya katakan transformasi luar bandar boleh membawa perubahan bermakna kepada masa depan masyarakat luar bandar," katanya turut mengumumkan peruntukan RM30 juga kerajaan Pusat untuk tujuan menyukat tanah bagi proses pengagihan geran komunal itu. Najib kemudian mengumumkan peruntukan RM2.8 juta untuk menaikkan taraf jalan kampung bagi daerah Kemabong, selain RM3 juta lagi untuk pembinaan rumah panjang bagi menempatkan hasil kraftangan khusus untuk suku kaum Murut di sini.

**Sabtu, 2 Julai, 2011****'KL mampu setanding Paris'**

AYER KEROH: Kerajaan Melaka menyumbang sebanyak RM40,000 kepada Berita Harian bagi menjayakan penganjuran Festival Fesyen Kuala Lumpur (FFKL) 2011 yang bakal berlangsung di ibu negara pada 4 hingga 6 Julai ini. Sumbangan penajaan itu disampaikan **Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam** kepada Pengarang Eksekutif (Rencana) Berita Harian, Zainor Said di Bilik Tun Mutahir, Seri Negeri di sini, semalam. Selain wang tunai, penajaan juga membabitkan songket Melaka untuk digunakan peserta pertandingan Anugerah Pesona Tenun sepanjang festival berkenaan. Mohd Ali berkata, sumbangan itu adalah sebagai tanda sokongan padu kerajaan negeri kepada Berita Harian dalam menjayakan program itu dan berharap ia dapat membantu memajukan industri fesyen di negara ini. "Tentunya festival bertaraf antarabangsa ini juga akan dapat membantu sedikit sebanyak pertumbuhan ekonomi negara. "Saya percaya jika dapat dianjurkan secara besar-besaran pada masa depan, Kuala Lumpur boleh menjadi kota fesyen setanding dengan Milan atau Paris," katanya. Hadir sama Setiausaha Akhbar Ketua Menteri, Daud Awang; Penulis Eksekutif Berita Harian, Jami'ah Shukri; Pengurus Cawangan NSTP Melaka, Amirullah Andi Nur dan Pengurus Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA), Noor Azlina Yunus.

**Ahad, 3 Julai, 2011**

### **Subsidi benih, baja kekal: TPM**

BAGAN SERAI: **Tan Sri Muhyiddin Yassin** memberi jaminan subsidi padi terutama benih dan baja akan terus disalurkan kepada pesawah seluruh negara selagi Barisan Nasional (BN) memerintah. Timbalan Perdana Menteri berkata, ia berikutan kepentingan tanaman padi dalam mengekalkan Dasar Makanan Negara yang menetapkan 70 peratus daripada beras digunakan rakyat tempatan adalah keluaran dalam negara dan hanya 30 peratus diimport. "Selagi BN diberi kuasa dan mandat untuk memajukan serta memberi kesejahteraan rakyat, subsidi padi akan diberikan selama-lamanya," katanya pada majlis Kenduri Rakyat di Alor Pongsu, di sini, sempena Program Turun Padang beliau ke Perak, semalam. Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran, mengakui isu kenaikan harga barang sering dibangkitkan oleh rakyat setiap kali beliau mengadakan program turun padang. Muhyiddin turut mengumumkan peruntukan RM250,000 untuk baik pulih Masjid Alor Pongsu diikuti pengumuman RM1 juta kepada kerajaan negeri untuk menyelesaikan beberapa isu yang timbul di kawasan Bagan Serai manakala RM150,000 untuk membina gelanggang futsal di Parit Haji Kassim. Pada sebelah pagi, Timbalan Perdana Menteri turut melancarkan Dasar 1Murid 1Sukan serta melepaskan dan menyertai bersama Larian Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia bertempat di Padang Esplande di Taiping.

Seramai 4.1 juta pelajar atau lebih tepat 4,137,126 pelajar daripada 9,980 sekolah menengah dan sekolah rendah seluruh negara menyertai larian serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia peringkat kebangsaan pagi semalam. Acara berkenaan yang mencipta rekod Malaysia Book of Records (MBR) bagi kategori larian pelajar sekolah serentak terbesar itu dilancarkan. Sebaik larian berkenaan tamat kira-kira jam 8.30 pagi, wakil MBR, Diana Paul, menyerahkan sijil pengiktirafan rekod acara berkenaan kepada Muhyiddin untuk diserahkan kepada Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abd Ghafar Mahmud. Ketika berucap pada Program Ramah Mesra Bersama Pemimpin di Taman Kaya, Muhyiddin memberi amaran terhadap kemungkinan kuasa asing mengambil kesempatan mencampuri urusan negara ini, jika keadaan di dalamnya bergolak dan huru-hara akibat tinda-kan pihak tidak bertanggungjawab termasuk pembangkang mengadakan perhimpunan haram.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya tidak terjebak dengan perbuatan mungkar Datuk Seri Anwar Ibrahim dan konco-konconya termasuk yang menggunakan nama NGO untuk menimbulkan suasana buruk dalam negara melalui perhimpunan BERSIH, bagi mencerminkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan proses pilihan raya negara yang begitu buruk dan tidak telus. Muhyiddin turut mengumumkan peruntukan masing-masing sebanyak RM200,000 bagi pembinaan surau dan tokong di Taman Kaya dan RM100,000 kepada masyarakat India di situ. Beliau juga mengumumkan peruntukan RM500,000 bagi menaik taraf Pasar Awam Taman Kaya dan RM2.5 juta untuk pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Kaya. Sementara itu di KUALA LUMPUR, Muhyiddin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abd Rahman meluangkan masa menyaksikan Konsert Festival Muzik Kuala Lumpur (FMKL 2011) bertema Kembara Muzik: Klasik Kontemporari di Istana Budaya di sini, malam tadi.

**Isnin, 4 Julai, 2011**

### **Syor wajib pemaju bina rumah rakyat miskin**

KERAJAAN disaran mewajibkan semua pemaju perumahan yang terbabit dalam projek mega menyumbang kepada Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA). **Pengerusi Parti Gerakan Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon**, berkata syarikat sedemikian tidak seharusnya memberi tumpuan terhadap projek rumah mewah saja, sebaliknya turut membekalkan rumah kos sederhana dan rendah. "Langkah ini sekurang-kurangnya dapat menangani masalah pemilikan rumah dihadapi golongan berpendapatan rendah sekitar ibu negara," katanya ketika sesi perbahasan pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan, semalam. Pemuda BN Wilayah Persekutuan pula mencadangkan penubuhan Jabatan Pembangunan Belia dan Sosial di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Ketuaanya, Rizalman Mokhtar berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar juga wajar mewujudkan unit khas untuk memantau kegiatan membabitkan golongan belia. "Jika kita dapat mendekati golongan ini yang dianggarkan lebih 500,000 berusia antara 20 hingga 40 tahun ini, tentu mereka akan menjadi pengundi BN pada pilihan raya nanti," katanya. Pengerusi MIC Wilayah Persekutuan, Datuk M Saravanan meminta kerajaan memenuhi permohonan memiliki sebuah dewan khusus untuk majlis keraian dan keagamaan bagi masyarakat India. Katanya, majlis masyarakat India sama ada perkahwinan dan upacara sembahyang menggunakan api menyukarkan mereka menyewa dewan kerana tidak dibenarkan pihak pengurusan bangunan itu.

**Isnin, 4 Julai, 2011**

### **Biasiswa untuk pelajar SSBN**

KERAJAAN Terengganu memperuntukkan **RM600,000 sebulan** sebagai biasiswa kepada lebih 600 pelajar Sekolah Sukan Bukit Nenas, Setiu, berkuat kuasa pertengahan tahun ini. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Terengganu, Rozi Mamat** berkata, kerajaan menyediakan biasiswa itu dalam usaha meringankan beban pelajar. "Setiap pelajar mendapat biasiswa RM60 sebulan dan mereka yang terpilih mewakili negeri turut memperoleh skim bantuan bulanan mengikut fasa yang ditetapkan," katanya ketika ditemui di majlis kesyukuran kontinjen Terengganu menujuai Sukan Malaysia ke-14 (SUKMA) kali ketiga berturut-turut di perkarangan Majlis Sukan Negeri di Gong Badak, Kuala Terengganu, kelmarin. Rozi berkata, bagi pelajar yang mewakili Terengganu untuk tahun pertama akan mendapat RM130 sebulan manakala fasa kedua pula RM390 sebulan. Ini tidak termasuk ganjaran meraih pingat emas SUKMA ke-14 yang mendapat RM5,000, perak (RM3,000) dan gangsa (RM1,000). Rozi berkata, Majlis Sukan Negeri (MSN) kini menunggu tarikh daripada Pejabat Menteri Besar Terengganu untuk majlis penyampaian insentif kepada atlit terbabit. Katanya, kerajaan negeri juga memilih dua ahli sukan yang berjasa kepada Terengganu untuk dihantar menunaikan umrah, iaitu bekas jurulatih Persatuan Lumba Basikal Terengganu, Daud Mohamad dan bekas ketua pasukan bola sepak Terengganu, Yahya Jusoh. "Kita akan memberi bantuan kepada ahli sukan yang banyak berjasa kepada Terengganu dan bentuk bantuan itu sedang difikirkan," katanya lagi.

Rabu, 6 Julai, 2011

## Satu lagi teras utama ETP diperkenalkan

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengumumkan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) sebagai satu lagi teras utama **Program Transformasi Ekonomi** (ETP) bagi meningkatkan daya saing negara pada peringkat antarabangsa serta memastikan kesejahteraan hidup rakyat makin terjamin. Inisiatif berkenaan akan memacu Malaysia ke arah meningkatkan pendapatan negara, memperbanyak peluang pelaburan swasta, mentransformasi tempat dan tenaga kerja di Malaysia untuk ekonomi berpendapatan tinggi, menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan awam berkualiti tinggi serta memperbaiki standard kehidupan rakyat berpendapatan rendah tanpa mengira bangsa. Enam SRI itu adalah Kewangan Awam, Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan, Pembangunan Modal Insan, Penyampaian Perkhidmatan Awam, Standard Antarabangsa dan Liberalisasi serta Merapatkan Jurang Ketidaksamaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera. Sebagai bukti komitmen kerajaan melaksanakan pembaharuan, Datuk Seri Najib Razak sendiri menerajui SRI Kewangan Awam yang dibantu Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah serta Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bersama Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam, pula akan menerajui SRI Pembangunan Modal Insan. Menerusi enam SRI terperinci itu, Perdana Menteri berkata, rangka transformasi ekonomi negara kini lengkap dan kerajaan akan meneruskan tumpuan kepada usaha menjana pertumbuhan ekonomi, diiringi pembaharuan dasar yang membolehkan Malaysia bersaing lebih kukuh serta mantap dalam persada antarabangsa. Malah, petunjuk prestasi utama (KPI) beliau dan menteri lain berkaitan sudah diselaraskan bersesuaian SRI berlandaskan penyampaian serta jangka masa jelas, di mana mereka komited untuk melaksanakan pembaharuan berkenaan. "ETP dipacu oleh dua teras utama, iaitu penumpuan melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan daya saing menerusi SRI. Dalam pada kita memberi tumpuan kepada NKEA berkenaan, kita sedar Malaysia perlu menjadi lebih berdaya saing untuk mencapai status negara maju.

"Enam SRI itu merangkumi semua 51 langkah dasar diketengahkan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) dalam Bahagian Akhir Model Baru Ekonomi (MBE) yang saya terima pada Disember tahun lalu," katanya dalam ucapan pada majlis pengumuman perkembangan terkini ketujuh ETP di sini, semalam. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Muhyiddin. Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Seri Idris Jala. SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam diketuai Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan; SRI Standard Antarabangsa dan Liberalisasi - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Maximus Ongkili; SRI Merapatkan Jurang Ketidaksamaan PKS Bumiputera - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, bersama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Sementara itu, Idris ketika membentangkan enam inisiatif terbaru SRI berkata, sebanyak 82 peratus daripada inisiatif projek permulaan (EPP) sudah memulakan operasi dengan baki 18 peratus pada pelbagai peringkat pembangunan. "Sebanyak 65 Projek Permulaan sudah diumumkan dengan komitmen pelaburan sebanyak RM170 bilion. Unjuran Pendapatan Negara Kasar (PNK) ialah RM220 bilion, manakala lebih 360,000 pekerjaan baru akan diwujudkan. "Kita pada kedudukan yang tepat untuk mencapai PNK, pelaburan dan pewujudan sasaran pekerjaan baru menjelang 2020," katanya.

INFO

Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI)

- \* Kewangan Awam
- \* Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan
- \* Pembangunan Modal Insan
- \* Penyampaian Perkhidmatan Awam
- \* Standard Antarabangsa; dan
- \* Liberalisasi serta Merapatkan Jurang Ketidaksamaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera. Ketidaksamaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera.

**Rabu, 6 Julai, 2011**

### **AIM garis 3 ketetapan transformasi Malaysia**

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak yang mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tadbir Urus Agensi Inovasi Malaysia (AIM) semalam, menggariskan tiga ketetapan dalam proses transformasi Malaysia menjadi negara inovasi untuk merealisasikan kekayaan harta intelek nasional dan menjana pendapatan rakyat. Perdana Menteri berkata, ketetapan pertama ialah menggabungkan pendekatan bagi membina sebuah ekosistem yang boleh mendukung hasrat kerajaan menjadi-kan Malaysia negara inovasi. "Ini bererti, kita akan melihat pembangunan modal insan, khususnya suntikan pemikiran lebih inovatif dan kritikal dalam sistem pendidikan negara, terutama dari segi kemahiran berfikir dan sebagainya. "Kedua, dana yang boleh mendukung usaha inovasi yang boleh kita jalankan dalam negara seperti memperbanyakkan penyertaan ekuiti modal swasta. "Ketetapan ketiga pula menggabungkan pendekatan menentukan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang boleh kita komersialkan, umpamanya harta intelek milik universiti yang kini ada sekitar 1,000 penemuan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Tadbir Urus AIM semalam. Majlis 16 anggota diterajui Perdana Menteri itu boleh diumpamakan barisan lembaga pengarah yang memberi pandangan dan terbabit dalam pelaksanaan inisiatif AIM, yang ditubuhkan mengikut Akta AIM 2010.

Setakat ini, 113 projek berpotensi komersial sudah dikenal pasti dengan 49 sedang diproses melalui makmal pengkomersialan, manakala sehingga Jumaat lalu, 19 projek sudah mencapai tahap memeterai perjanjian komersial. Najib berkata, AIM akan menilai berapa banyak daripada kira-kira 1,000 penemuan harta intelek oleh universiti tempatan itu dapat diterjemahkan dalam projek yang boleh dikomersialkan. Katanya, mesyuarat pertama Majlis Tadbir Urus AIM turut merumus untuk menggabungkan pendekatan berdasarkan pembangunan ekosistem inovasi yang menekankan projek berdasarkan hasil. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Inovasi Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Kamal Jit Singh, berkata mesyuarat Majlis Tadbir Urus AIM semalam membincangkan draf dasar pelaksanaan transformasi Malaysia menjadi negara inovasi. Beliau yang turut menganggotai majlis terbabit, berkata draf dasar itu selari dengan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). "Kami mendapat persetujuan Majlis Tadbir Urus AIM bahawa draf ini berada di landasan sepatutnya dan haluannya betul. Sekarang kita mahu membawa pelan ini kepada masyarakat akar umbi untuk mendapat maklum balas sebelum dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan. "Cara kami menggubal dasar ini agak berbeza, kita tidak guna pakar perunding luar atau syarikat perunding, sebaliknya menggubal dasar ini berdasarkan pendapat pakar tempatan dalam bidang tertentu seperti pendidikan, pelbagai industri, kerajaan dan sebagainya. "Kita menghabiskan kira-kira 2,500 jam masa rundingan bagi menyiapkan draf ini dan memerlukan kira-kira tiga bulan untuk mendapatkan maklum balas orang ramai bagaimana dasar ini dapat mengubah kehidupan mereka seperti sepatutnya berlaku," katanya.

**Rabu, 6 Julai, 2011**

### **Pembaharuan jana pendapatan, jimat kos RM13b**

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan melaksanakan pelbagai pembaharuan dalam kewangan awam untuk menjana pendapatan dan penjimatan kos sebanyak RM13 bilion dalam tempoh lima tahun. Untuk tujuan itu, kerajaan mensasarkan menguatkusakan 20 cadangan yang dibahagikan kepada enam bidang utama iaitu meningkatkan pentadbiran cukai, merasionalkan insentif cukai korporat, pemerolehan telus, kawalan perbelanjaan dan perakaunan terakru, termasuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Jika berjaya dilakukan, ia akan membolehkan kerajaan menguruskan kedudukan kewangan di luar jangkaan, membayar hutang negara serta melabur untuk masa depan, kata **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala**.

"Ketika ini hanya sejuta rakyat Malaysia membayar cukai daripada 28 juta penduduk dan jurang cukai semasa iaitu beza antara pungutan sebenar daripada unjurian kira-kira 20 peratus, berbanding 10 hingga 15 peratus di negara maju. Justeru, ia mewakili potensi pendapatan sehingga RM20 bilion," katanya ketika membentangkan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) di sini, semalam. Idris berkata, sebanyak enam inisiatif akan dilaksanakan bagi meningkatkan pungutan cukai, termasuk meluaskan liputan siasatan dan audit, meningkatkan asas cukai serta mengukuhkan penguatkusaan serta audit kastam. Katanya, apabila GST diperkenalkan ia meluaskan lagi asas cukai susulan anggaran kesan positif ke atas kedudukan fiskal negara, yang mana saiznya adalah RM6 hingga RM10 bilion, bergantung kepada kadar cukainya empat hingga lima peratus. Beliau menjelaskan, sebanyak 143 negara sudah melaksanakan GST dan Malaysia adalah antara beberapa negara yang masih belum melakukannya. "Cukai itu tidak akan memberi kesan kepada kumpulan berpendapatan rendah kerana kebanyakan produk dan perkhidmatan asas seperti beras, daging mentah, ikan segar, sayur, pengangkutan awam domestik serta perkhidmatan kesihatan dikecualikan cukai, manakala perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan diberikan insentif untuk mengurangkan kos bagi melaksanakan GST," katanya.

**Rabu, 6 Julai, 2011**

### **ISL tingkat daya saing negara dalam tiga bidang utama**

KUALA LUMPUR: Kerajaan melancarkan **Inisiatif Reformasi Standard Antarabangsa dan Liberalisasi** (ISL) untuk meningkatkan daya saing negara dalam tiga bidang utama, iaitu perkhidmatan, piawaian dan undang-undang persaingan. Tiga sektor utama perkhidmatan yang diberikan fokus dalam ISL ialah kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan profesional, manakala piawaian menumpukan kepada produk yang Malaysia memiliki kelebihan daya saing dan potensi sebagai peneraju global. Akta Persaingan 2010 yang akan dikuatkuasakan mulai Januari 2012 pula akan menggalakkan persekitaran yang kompetitif dan memberi keyakinan kepada pelabur asing terhadap amalan perniagaan di negara ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, berkata tumpuan utama akan diberikan terhadap liberalisasi sektor perkhidmatan yang kini hanya menyumbang sekitar 57 peratus kepada ekonomi negara, berbanding 70 hingga 80 peratus di negara maju. "Kita akan meliberalisasi sektor perkhidmatan utama berdasarkan potensi dan kedudukan sumbangannya dalam pendapatan negara kasar. "Ia akan dimulakan dengan sektor penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan profesional," katanya. Idris menjelaskan, di bawah sektor penjagaan kesihatan, kerajaan bercadang menarik had pegangan ekuiti asing untuk membina hospital pakar swasta dengan jumlah katil pesakit yang minimum serta melonggarkan kemasukan pakar asing seperti doktor dan doktor gigi.

Bagi sektor pendidikan pula, kerajaan akan memberi kelonggaran secara berperingkat had ekuiti asing dalam sekolah antarabangsa, mengekalkan garis panduan bagi memastikan kualiti institusi pendudukan serta melanjutkan tempoh sah permit mengajar sehingga lima tahun. "Bagi perkhidmatan profesional, kerajaan akan menarik had ekuiti bagi sektor perakaunan, perundangan dan perkhidmatan kejuruteraan selain melonggarkan syarat kemasukan peguam, jurutera dan arkitek asing untuk bekerja di Malaysia," katanya. Di bawah komponen piawaian pula, Idris berkata, kerajaan akan berusaha ke arah meningkatkan mutu barang dan perkhidmatan selain mengukuhkan laluan ke pasaran antarabangsa.

**Khamis, 7 Julai, 2011**

### **Skim mikro kredit model unik**

KLANG: Datuk Seri Najib Razak menyifatkan perkongsian antara kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menyediakan pinjaman skim mikro kredit sebagai satu model unik yang bukan saja menjimatkan wang kerajaan, malah memberi kesan terhadap kepentingan golongan sasar. Perdana Menteri berkata, Yayasan Usahawan Wanita Cina Malaysia yang dilancarkan semalam adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia yang menggunakan model dan konsep berkenaan. Beliau yang yakin dengan kejayaan model berkenaan membayangkan kemungkinan ia akan diperluaskan di seluruh negara membabitkan penyertaan semua lapisan masyarakat. "Kita akan tengok dulu (sama ada kerjasama kerajaan dengan swasta dan NGO bakal diperluaskan)... kita sudah ada beberapa agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN... kita cadangkan satu bentuk baru yang boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

"(Menerusi model ini) kita tidak perlu menyediakan peruntukan pentadbiran, tidak perlu menambah pegawai, tidak perlu menyediakan pejabat baru, semuanya dikendalikan oleh NGO," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Yayasan Usahawan Wanita Cina Malaysia di Dewan Persatuan Hokkien, di sini, semalam. Hadir sama Penasihat Eksekutif Persekutuan Persatuan-Persatuan Lim Malaysia dan Presiden Dewan Perniagaan Lim Sedunia, Tan Sri S P Lim serta Pengurus Yayasan Usahawan Wanita Cina Malaysia, Jenny Lim. Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM30 juta kepada yayasan berkenaan sebagai dana permulaan bagi membantu ibu tunggal dan wanita di kalangan golongan berpendapatan rendah di seluruh negara untuk memulakan perniagaan. Konsep perkongsian itu memberi tanggungjawab kepada pihak swasta atau NGO untuk mengendalikan skim berkenaan termasuk menjalankan penguatkuasaan dan kutipan bayaran balik pinjaman.

**Jumaat, 8 Julai, 2011**

### **Generasi FELDA tidak patut lupakan jasa, sumbangan kerajaan**

MASYARAKAT peneroka adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang amat bertuah. Hari Peneroka ke-55 yang di sambut semalam, wajar menjadi satu transformasi kepada masyarakat peneroka meneruskan kejayaan yang dicapai selama ini. Mereka diberi peluang meneroka dan mengusahakan tanah yang disediakan kerajaan sepanjang tempoh itu. Ia bagi meningkatkan taraf hidup keluarga masing-masing yang ketika itu rata-rata berada di bawah garis kemiskinan. Kita memahami untuk mencapai tahap kehidupan lebih selesa seperti dinikmati ketika ini, bukan perkara mudah. Ia memerlukan ketabahan, kecekalan dan pengorbanan yang bukan sedikit. Generasi pertama peneroka telah menunjukkan komitmen tinggi untuk berjaya dan kejayaan mereka ini diteruskan pula oleh generasi seterusnya sehingga kini. Dalam kepayaahan meniti liku-liku hidup sebagai peneroka tanah rancangan, pelbagai bantuan disalurkan kerajaan bagi meringankan cabaran mereka dalam membina kehidupan baru. Malah, bantuan seumpamanya tidak pernah terhenti sejak itu dan disediakan mengikut keperluan serta kepentingan semasa masyarakat peneroka.

Semalam, Datuk Seri Najib Razak sekali lagi, meneruskan agenda itu apabila mengumumkan peruntukan lebih RM300 juta untuk pembangunan bersepadu dalam tempoh lima tahun bagi wilayah FELDA, Bandar Tun Abdul Razak (BTAR), Pahang. BTAR ialah nama baru bagi Bandar Jengka yang diumumkan Perdana Menteri ketika merasmikan Hari Peneroka 2011, semalam. Najib turut mengumumkan peruntukan RM50 juta bagi membaik pulih rumah masyarakat peneroka, RM10 juta membangunkan kompleks terminal pengangkutan bersepadu, enam mesin hemodialisis dengan setiap satu bernilai kira-kira RM1.5 juta dan RM2 juta lagi melaksanakan 'komuniti berpagar' membabitkan penyertaan peneroka FELDA serta anggota Rela untuk menjaga keselamatan di penempatan peneroka. Justeru, sewajarnyalah masyarakat peneroka terus memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk membolehkan mereka menikmati kesan pembangunan dan kehidupan lebih baik. Mereka tidak patut terpengaruh hasutan pembangkang kerana boleh membantutkan pembangunan masyarakat peneroka. Kenyataan seperti FELDA bankrap adalah tidak berasas yang sengaja dicetuskan pihak tertentu kerana cemburu dengan kejayaan agensi itu membantu masyarakat peneroka. Malah, pada majlis itu Najib mendedahkan bahawa aset FELDA kini bernilai lebih RM30 bilion dengan masing-masing RM20 bilion dalam bentuk aset dan RM10 bilion lagi aliran tunai. Kita percaya masyarakat peneroka akan mendapat banyak manfaat daripada aset dan aliran tunai yang dimiliki FELDA. Setiap lapisan masyarakat peneroka perlu menangkis tanggapan negatif terhadap FELDA kerana ia tidak membawa sebarang keuntungan. Sudah banyak bantuan yang disalurkan, terutama dalam bidang pendidikan yang membantu anak peneroka sehingga ke menara gading. Dengan pelajaran yang dimiliki, sebahagian besar generasi kedua dan ketiga masyarakat peneroka berupaya memperbaiki taraf ekonomi mereka setanding dengan masyarakat luar FELDA. Kita percaya masyarakat peneroka tidak akan bersikap seperti 'kacang lupukan kulit'. Kejayaan masyarakat peneroka adalah juga kejayaan kerajaan BN yang tidak pernah jemu memajukan taraf hidup mereka.

**Sabtu, 9 Julai, 2011**

### **Ekonomi negeri berkembang pesat**

PEMBABITAN, usaha dan jasa **Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas**, dalam pembangunan negeri ini membawa hasil positif apabila Pulau Pinang berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang sihat sejak beberapa tahun lalu. Pulau Pinang yang sedang menuju ke arah negeri bertaraf antarabangsa menyumbang sebanyak 8.8 peratus kepada jumlah hasil negara dan mencatatkan jumlah pelaburan iaitu sebanyak RM12.2 bilion pada 2010, tertinggi dalam sejarah bagi negeri ini serta di kalangan negeri di Malaysia. Jumlah pelaburan di negeri yang diberi jolokan Pulau Mutiara itu meningkat sebanyak 46.5 peratus pada 2010, berbanding RM2.2 bilion dicatatkan pada 2009. Selain itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) perkapita Pulau Pinang yang direkodkan pada kadar 58 peratus adalah jauh lebih tinggi berbanding purata KDNK perkapita Malaysia. Pulau Pinang mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 8.1 peratus berbanding KDNK Malaysia pada tahap 7.2 peratus bagi 2010 yang dibuktikan menerusi peningkatannya daripada RM30,753.50 pada 2010 berbanding RM29,080.10 pada 2009. Negeri ini turut mencatatkan sumbangan sebanyak 36 peratus pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia walaupun populasi negeri ini hanya 6 peratus daripada populasi Malaysia. Keprihatinan Abdul Rahman dalam pelaksanaan setiap projek pembangunan yang menjadi agenda utama berjaya memastikan Pulau Pinang kekal sebagai negeri pilihan utama pelabur. Tahun ini sebanyak RM294,951,350 diperuntukkan bagi melaksanakan 512 projek pembangunan di seluruh negeri dan jumlah itu lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM242,953,981. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan Pulau Pinang yang diketuai Abdul Rahman untuk mentransformasikan negeri ini dengan pembangunan mampan serta pintar. Ia juga bagi memastikan pembangunan dirancang secara berterusan mampu merancakkan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan, menjamin keadilan sosio ekonomi, memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda, kebajikan rakyat dan alam sekitar.

Dalam mengejar pembangunan, sektor pertanian Pulau Pinang turut menyumbang sebanyak 1.76 peratus kepada pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2008 malah terdapat peningkatan kepada 1.83 peratus pada tahun 2009. Untuk 2008, KDNK sektor pertanian direkodkan sebanyak RM824 juta dan ia meningkat kepada RM840 juta pada 2009, sumbangannya terhadap pembangunan dijangka meningkat kepada RM1,046 juta pada 2015. Bagi memastikan pembangunan sektor pertanian terus mampan, sejumlah RM4.47 juta disediakan tahun ini selain peruntukan sebanyak RM2.75 juta bagi meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan veterinar. Antara projek membabitkan peningkatan tahap kualiti perkhidmatan veterinar ialah Pengawalan Pencemaran Veterinar, Peningkatan Kualiti Perkhidmatan (Kelengkapan & Infrastruktur) dan Pembangunan Industri Ruminan. Semua kejayaan itu adalah hasil keprihatinan Abdul Rahman dan pelbagai faktor lain seperti penyediaan kemudahan infrastruktur, komunikasi baik, urus tadbir cekap dan pentadbiran bersih.

**Sabtu, 9 Julai, 2011**

### **Projek MRT pemangkin ekonomi**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata projek Lembah Klang My Rapid Transit (MRT) dijangka menjana antara RM8 bilion hingga RM12 bilion dari segi projek limpahan, yang akan turut meningkatkan pembangunan harta tanah dengan anggaran nilai RM15 bilion dari segi harta tanah baru, yang dijangka disiapkan di dalam tempoh 10 tahun. Perdana Menteri berkata, sumbangan langsung kerja-kerja pembinaan sebenar kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) dianggarkan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun bermula dari 2011 hingga 2020. Oleh itu katanya, pelancaran projek MRT membabitkan laluan sepanjang 51 kilometer menghubungkan Sungai Buloh dan Kajang, bakal menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan dan memacu negara ke status negara maju. "Projek ini bukan saja untuk menggerakkan ramai penumpang, mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkat produktiviti malah menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara," katanya pada majlis pelancaran MRT di ibu negara semalam. Turut hadir Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar dan Pengerusi Kumpulan Syarikat Prasarana Negara Berhad, Tan Sri Izzudin Dali. MRT adalah projek prasarana terbesar dilaksanakan sebagai sebahagian Program Transformasi Ekonomi kerajaan. Ia bakal menyediakan faedah jangka panjang kepada ekonomi negara dan masyarakat secara umum. Pelancaran semalam membabitkan pengumuman rasmi mengenai jajaran laluan rel berkenaan selain bermula kerja-kerja pembersihan tanah bagi membolehkan kerja pembinaan

Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), iaitu laluan pertama MRT yang dikenal pasti di bawah inisiatif Greater Kuala Lumpur. Pada majlis pelancaran itu, Najib turut menangkis dakwaan segelintir pihak tertentu yang menyatakan pembinaan sistem pengangkutan rel itu adalah suatu yang dibuat secara terburu-buru dengan menegaskan ia sudah dirancang sejak sekian lama. "Projek ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru, walaupun dibawa ke pengetahuan umum kebelakangan ini apabila memerlukan maklum balas dan pandangan rakyat. Saya gembira projek MRT ini menyaksikan pembabitan rakyat sejak dari awal lagi menerusi penyertaan aktif mereka dalam proses mengumpul maklum balas. "Pihak kerajaan dan SPAD turut meminta pemilik projek dan kontraktor menyemak maklum balas ini dan mencari jalan penyelesaian terbaik termasuk bagi memastikan laluan ini diintergrasikan dengan laluan KTM Komuter dan LRT sedia ada selain bas perantara untuk kemudahan perjalanan di Kuala Lumpur dan kawasan sekitar," katanya. Beliau berkata, seperti projek awam kerajaan lain, Projek MRT ini menjunjung prinsip ketelusan dan bakal dilaksanakan dengan proses perolehan kerajaan yang telus dan terbuka berdasarkan konsep Persepakatan Integriti bagi mengelak gejala rasuah. Pada majlis berkenaan, Najib turut menyaksikan Syarikat Prasarana Negara Berhad dan Rakan Pelaksana Projek MRT, MMC-Gamuda menandatangani perjanjian Persepakatan Integriti bagi membuktikan komitmen serta keikhlasan kerajaan dalam pelaksanaan projek MRT.

**Sabtu, 9 Julai, 2011**

### **Usahawan Bumiputera terus dibantu**

KEPALA BATAS: Kerajaan akan terus membela nasib usahawan Bumiputera di negeri ini bagi membantu meningkatkan potensi serta daya saing mereka i peringkat global menerusi pelbagai program serta bantuan, kata **Tan Sri Muhyiddin Yassin**. **Timbalan Perdana Menteri** berkata, walaupun negeri ini ditadbir pakatan pembangkang, komitmen kerajaan Pusat di bawah Barisan Nasional (BN) masih utuh untuk membantu usahawan Bumiputera di Pulau Pinang. "Saya dimaklumkan kerajaan Pusat melalui Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) menyalurkan **peruntukan RM2 juta** untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan Bumiputera di negeri ini sepanjang 2011," katanya ketika berucap merasmikan Ekspos Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2011, di sini semalam. Hadir sama bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman. Muhyiddin yang juga Timbalan Pengurus BN, turut meminta usahawan Bumiputera di negeri ini memanfaatkan sepenuhnya program diatur MPBPP khususnya di bawah Pelan Strategik Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang yang mengandungi 52 inisiatif strategik. "Semua inisiatif itu dirangka bagi tempoh dua tahun dan ia dijangka mampu dilaksanakan serta memberi impak dihasratkan," katanya.

**Isnin, 11 Julai, 2011**

### **Syor giat promosi program Melaka Rumah Keduaku**

MELAKA TENGAH: **Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia** (REDHA) Melaka mencadangkan kerajaan negeri supaya membantu menggiatkan promosi program Melaka Rumah Keduaku bagi menarik pengunjung luar untuk menjadikan negeri ini rumah kedua mereka. Pengurusi REDHA Melaka, Datuk Gwee Yew Kiat, berkata dengan jumlah kedatangan pengunjung seramai 10 juta orang ke negeri ini tahun lalu, pihaknya percaya langkah itu berpotensi menimbulkan minat di kalangan mereka untuk memiliki harta tanah di negeri ini. "REDHA merancang untuk mewujudkan program ini bagi memenuhi permintaan pengunjung luar. Justeru, bagi merealisasikannya, kami berharap kerajaan negeri dapat memperuntukkan kuota 60 peratus kepada golongan bukan Bumiputera berbanding 40 peratus sebelum ini bagi pembelian rumah bernilai lebih RM300,000.

"Peruntukan kuota kepada golongan bukan Bumiputera ini penting kerana ramai antara mereka lebih berminat memiliki rumah kos tinggi di negeri ini," katanya pada sidang media Ekspos Hartanah Malaysia (MAPEX) 2011 Kali Kedua di Malim Jaya, semalam. Hadir sama Pengurus MAPEX 2011, Datuk Ng Choon Koon dan Setiausaha REDHA Melaka, Anthony Cho Tian Han. Gwee berkata minat golongan bukan Bumiputera dari kalangan penduduk luar untuk membeli rumah kos tinggi di negeri ini didorong oleh faktor harganya yang lebih murah berbanding tempat lain termasuk Kuala Lumpur dan Johor Bharu. "Harga sebuah rumah kos tinggi di negeri ini yang bermula dari RM300,000 adalah lebih murah sehingga 70 peratus daripada harga sebuah rumah sama di Kuala Lumpur. Nilai itu juga hampir 50 peratus lebih murah berbanding harganya di Johor Bharu," katanya. Katanya, menerusi program itu, ia bakal memberi peluang kepada orang ramai sama ada pengunjung luar mahu pun tempatan membeli harta tanah sekali gus menambah keyakinan golongan itu untuk terus menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan serta penginapan terbaik.

**Isnin, 11 Julai, 2011**

### **PNS masih ada dana RM80j lagi**

PERBADANAN Nasional Bhd (PNS), agensi kerajaan yang diberikan mandat menerajui pembangunan industri francais di Malaysia masih mempunyai dana berjumlah RM80 juta untuk disalurkan kepada usahawan yang mahu menceburi bidang perniagaan itu. Pengarah Urusannya, Syed Kamarulzaman Syed Zainol Khodki Shahabudin, berkata PNS memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta tahun ini dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan francais terutama Bumiputera yang berdaya saing. Katanya, walaupun PNS menyediakan peruntukan dana yang agak besar, tetapi setakat ini hanya kira-kira RM20 juta yang diluluskan dan dimanfaatkan 70 peminjam. "Untuk tahun ini, PNS memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta untuk disalurkan kepada 250 usahawan francais berpotensi dan kini, masih ada baki kira-kira RM80 juta untuk diagihkan kepada usahawan yang layak. "PNS sebenarnya tidak berdepan masalah menyalurkan pinjaman kepada usahawan francais yang layak, asalkan mereka berkemampuan menguruskan perniagaan, mempunyai 30 peratus modal daripada jumlah pinjaman serta jenis perniagaan yang berdaya maju," katanya ketika ditemui Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Beliau berkata, ketika ini PNS menawarkan tujuh skim pinjaman francais dengan had pinjaman daripada RM3,000 hingga RM2 juta dengan tempoh maksimum sehingga 10 tahun ke atas. Skim yang ditawarkan ialah Skim Pembiayaan Francaisor, Skim Pembiayaan Prafrancais, Skim Pembiayaan Francaisi, Skim Pembiayaan Francais Eksekutif, Skim Pembiayaan Licensor, Skim Pembiayaan Pelesenan dan Pembiayaan Kontrak.

Setakat ini, kata Syed Kamarulzaman, PNS sudah membimbing dan membangunkan 77 francaisor dan 700 francaisi membabitkan pengeluaran pinjaman yang berjumlah RM165 juta. Beliau berkata, PNS juga akan mengambil pendekatan lebih agresif dalam melahirkan usahawan baru dan terlatih dalam perniagaan francais menerusi Akademi Francais yang mula beroperasi sejak Januari lalu. Katanya, setakat ini lebih 500 bakal usahawan sudah mengikuti latihan dan bimbingan selama dua hari di Akademi Francais yang dilaksanakan secara bergerak di seluruh negara. Menerusi Akademi Francais, mereka perlu mengikuti 11 modul latihan francais yang disediakan. Dalam pada itu, katanya, PNS selaku penaja bersama Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM 2011), akan mengadakan program padanan perniagaan antara usahawan tempatan dengan 10 syarikat francais dari Amerika Syarikat dan Singapura pada 23 Julai ini, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), KL. Katanya, antara jenama terkemuka yang akan diperkenalkan termasuk Great American Cookies, Pretzel, Shoebox New York, Maggie Moo's Ice Cream & Treatery, Johnny Rockets dan Contour Express. Menerusi program itu, PNS juga akan mempromosikan dua jenama francaisnya, Forest'Secret dan yang dibawa masuk dari Australia, Gloria Jeans Coffee bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam perniagaan francais. Ketika ini, Forest'Secret mempunyai lapan cawangan dengan lebih 9,000 pengedar manakala Gloria Jeans sebanyak 12 cawangan, dengan empat lagi cawangan baru dijangka dibuka tahun ini.

**Isnin, 11 Julai, 2011**

### **Kem PLKN ingkar ditamat kontrak**

**TUARAN: Kementerian Pertahanan** memberi amaran akan menamatkan kontrak pengendali kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) jika gagal mematuhi pelbagai ciri keselamatan ditetapkan ketika mengendalikan program untuk pelatih kursus berkenaan. Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata tindakan itu bertujuan memastikan keselamatan pelatih sentiasa terjamin, terutama ketika mengikuti program di luar bilik kuliah seperti berkayak, menembak dan seumpamanya.

Sehubungan itu, katanya, kementerian sentiasa mengingatkan pengendali kem berkenaan supaya memastikan pelbagai ciri keselamatan dipatuhi sebelum memulakan latihan untuk pelatih. "Tiada pengendali kem PLKN dikecualikan daripada dikenakan tindakan itu, jika gagal memenuhi ciri keselamatan yang ditetapkan. "Kita tidak ingin berlaku sesuatu kemalangan sama ada yang membabitkan pelatih, jurulatih atau kakitangan kem. "Bagaimanapun, setakat ini kementerian berpuas hati dengan tahap keselamatan yang diambil pengendali kem," katanya kepada Berita Harian ketika melawat Kem PLKN KK di Bawah Bayu, di Kampung Kauluan, dekat sini, semalam. Turut hadir komandan kem berkenaan, Mejar Omar Selamat. Kem berkenaan menempatkan 399 peserta PLKN merangkumi 232 wira dan 167 wirawati yang menamatkan program minggu depan. Katanya, bagi memantapkan aspek keselamatan dan kebersihan di kem PLKN seluruh negara, kementerian akan melantik syarikat perunding untuk mencadangkan kepada kerajaan mengenai aspek yang perlu dipertingkatkan, sekali gus menjamin kelangsungan operasi kem.

**Selasa, 12 Julai, 2011**

### **Selangor nafi sasar kutip hasil pasir RM150 juta setahun**

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor semalam menafikan pihaknya meletakkan sasaran untuk mengutip hasil perlombongan pasir sebanyak RM150 juta setahun. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata kerajaan negeri juga sebelum ini tidak pernah berjanji untuk mengutip jumlah sebanyak itu di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. "Kerajaan negeri tidak pernah meletak sasaran hasil kutipan pasir pada kadar RM150 juta setahun. "Bagaimanapun, berdasarkan hasil kajian yang dilakukan pada awal 2008, seluruh industri pasir di Selangor memberi pulangan melebihi RM100,000," katanya ketika menjawab pertanyaan daripada Wong Koon Mun (BN-Kuala Kubu Baru) mengenai hasil kutipan pasir di Selangor pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang bermula di sini, semalam.

Sebelum ini, Abdul Khalid dalam ucapan Bajet 2009 di hadapan Sultan Selangor menyebut sasaran hasil kutipan perlombongan pasir di negeri ini sebanyak RM150 juta setahun melalui syarikat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB). Bagaimanapun, ketika Bajet 2010 yang dibentangkan pada November tahun lalu, Abdul Khalid berkata sehingga Oktober 2009, hasil daripada royalti pasir yang diterima oleh kerajaan negeri pada tahun berkenaan hanya RM4.6 juta sekali gus tersasar daripada sasaran awal. Sementara itu, Ketua Pembangkang, Datuk Mohamad Satim Diman ketika ditemui menyifatkan kenyataan Abdul Khalid adalah satu lagi bukti pembohongan yang dibuat kerajaan pakatan pembangkang. "Menteri Besar cuba membohongi rakyat termasuk Sultan Selangor sendiri dalam soal kutipan hasil perlombongan pasir di negeri ini. "Abdul Khalid sepatutnya bertanggungjawab dalam hal ini kerana kerajaan negeri seolah-olah cuba menyembunyikan fakta sebenar mengenai operasi serta hasil kutipan pasir," katanya. Beliau berkata, kerajaan Selangor perlu memberi penjelasan berhubung isu terbabit dan bersikap telus, bukan terus-menerus menyalahkan.

**Selasa, 12 Julai, 2011**

### **Ekonomi negara berkembang enam peratus**

EKONOMI negara mampu berkembang pada kadar enam peratus tahun ini, di sebalik situasi pasaran global yang mencabar, berikutan perkembangan positif yang dicatatkan dalam pelaburan swasta setakat ini. **Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah**, berkata setakat ini kerajaan sudah mengumumkan pelaburan swasta yang sudah dirancang sebanyak RM170 bilion untuk tahun ini. Katanya, dengan anggaran 70 peratus daripada pelaburan itu dilaksanakan, ia bermakna pelaburan swasta di negara ini akan mencecah RM89 bilion, sekali gus melepassi sasaran tahun ini iaitu RM83 bilion.

"Kami yakin dapat mencatatkan pertumbuhan Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) enam peratus tahun ini dan kami juga yakin akan berjaya dalam menjadi ekonomi berpendapatan tinggi," katanya pada majlis pelancaran Persidangan Antarabangsa Institut Juruaudit Dalam (IIA) 2011 di Kuala Lumpur semalam. Ahmad Husni berkata, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk mengukuhkan persekitaran yang sihat bagi sektor korporat untuk terus berkembang maju di negara ini. Beliau berkata, kegagalan mempunyai persekitaran korporat yang setaraf dengan piawaian dan amalan terbaik pada peringkat global tidak akan membantu negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik. Sementara itu, Ahmad Husni juga menyarankan supaya peranan juruaudit dalam perlu diperluaskan di luar daripada peranan tradisionalnya. Beliau berkata, audit dalam perlu mengembangkan mandatnya ke bahagian baru termasuk pengurusan risiko perusahaan, etika, tadbir urus, sokongan jawatankuasa audit dan tanggungjawab sosial korporat. "Untuk melangkah dengan efektif ke dalam peranan baru ini dan menangani perubahan dan cabaran, juruaudit dalam perlu membangunkan kapasiti baru dalam pengetahuan dan kemahiran organisasi," katanya. Pengerusi Pengangkutan Persidangan Antarabangsa IIA 2011 Wee Hock Kee mencadangkan supaya seorang juruaudit dalam perlu ditempatkan dalam barisan lembaga pengarah syarikat senaraian awam bagi mengukuhkan urus tadbir korporat syarikat itu.

**Selasa, 12 Julai, 2011**

### **Prasarana moden tingkat gaya hidup 596 kampung Orang Asli**

SUNGKAI: Sejumlah 596 daripada 852 perkampungan Orang Asli di seluruh negara sudah mengalami perubahan dengan dilengkapi segala kemudahan asas serta prasarana moden sekali gus memberi peningkatan lebih positif terhadap gaya hidup masyarakat berkenaan. Antara kemudahan itu adalah bekalan elektrik, air bersih, jalan sempurna, sekolah, tadika, pusat perubatan, kemudahan bersukan, bangunan kedai, dewan serta banyak lagi prasarana bagi membolehkan golongan itu merasai pembangunan sama seperti penduduk lain. Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Nisra Nisran Asra Ramlan, berkata baki 256 perkampungan Orang Asli akan dilengkapi kemudahan sama menjelang 2013. "Buat masa ini, ada 175 perkampungan Orang Asli di seluruh negara masih tidak mendapat bekalan air bersih manakala ada sejumlah perkampungan ini yang mendapat bekalan air daripada sumber semula jadi. "Untuk itu, kerajaan meluluskan **peruntukan sebanyak RM176 juta** bagi membolehkan semua perkampungan Orang Asli di negara ini memperoleh bekalan air bersih menjelang 2013," katanya kepada Berita Harian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program 'Nu Harik Bersama Mai Sen Seraq' atau Sehari Bersama Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli RPS Jernang, Sungkai, kelmarin. Turut hadir, Pengarah JAKOA Perak dan Kedah, Mohd Zamri Mustajab dan Pegawai Kemajuan Orang Asli Daerah Batang Padang, Roslan Tembichik. Rancangan Penempatan Semula (RPS) Jernang di daerah Batang Padang mula beroperasi pada 1992.

Ia terletak kira-kira 18 kilometer dari pekan Sungkai dan dihubungi jalan biasa sejauh lapan kilometer dan 10 kilometer lagi jalan 'crusher' atau jalan berbukit. Penempatan itu merangkumi lima kampung iaitu Kampung Tidong, Kampung Gamus, Kampung Ras, Kampung Kejau dan Kampung Sat dengan penduduk seramai 1,300 orang daripada 238 keluarga dari suku kaum Semai. Pelbagai aktiviti riadah serta pertandingan sukaneka, bantuan zat makanan kepada kanak-kanak dan sukan rakyat diadakan sepanjang program selama dua hari itu seperti pertandingan bola sepak, pertandingan bayi sihat, kampung terbersih, sukaneka dan cabutan hadiah bertuah yang menawarkan sebuah peti televisyen dan banyak hadiah menarik lain. Nisra Nisran berkata, pihaknya sudah memohon peruntukan berjumlah RM3.5 juta untuk melaksanakan Program Latihan Kemahiran Kerjaya (PLKK) bagi melatih belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan yang tercicir persekolahan selama tiga bulan seterusnya menyediakan pekerjaan bersesuaian dengan bidang yang mereka pelajari.

"Program latihan kemahiran ini mendapat sambutan baik daripada belia Orang Asli berbanding tiga tahun lalu di mana tidak ramai yang merebut peluang sebegini," katanya. Beliau berkata, masyarakat Orang Asli sudah mula menerima perubahan apabila ramai yang keluar daripada kehidupan harian biasa mereka kepada kehidupan yang lebih produktif dan kompetitif. Katanya, jika dulu mereka banyak bergantung kepada hasil hutan dan kampung untuk menampung kehidupan harian mereka, namun trend itu sudah berubah sejak beberapa tahun ini apabila mereka sudah mula cenderung kepada sumber pendapatan lain. "Justeru itu, saya menasihatkan Orang Asli merebut peluang yang disediakan kerajaan. "Apa yang perlu dibuat oleh golongan ini ialah bersedia untuk berubah kerana hanya mereka saja yang boleh memajukan diri sendiri," katanya.

Rabu, 13 Julai, 2011

### Melaka wujud 3 lagi PBT baru bertaraf majlis perbandaran

AYER KEROH: Kerajaan Melaka akan mewujudkan tiga lagi pihak berkuasa tempatan (PBT) baru di negeri ini yang bertaraf majlis perbandaran bertujuan meningkatkan keberkesanannya sistem penyampaian dan perkhidmatan kepada penduduk. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Md Yunus Hussin**, berkata PBT yang dicadangkan itu adalah Majlis Perbandaran Hang Jebat (MPHJ), Majlis Perbandaran Masjid Tanah (MPMT) dan Majlis Perbandaran Merlimau (MPM). Katanya, penubuhan kawasan baru yang dicadangkan itu tidak akan membabitkan sebarang kos dan hanya meliputi proses pengecilan sempadan pentadbiran sedia ada di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, MPMT dan MPM. "Skop kajian penubuhan tiga PBT baru di Melaka ini akan meliputi semua aspek manakala justifikasi penubuhan sudah tentu mengambil kira masa depan penduduk. Ia juga akan memastikan semua PBT ini bergerak seiring dengan pertumbuhan Melaka," katanya menjawab soalan Datuk Ismail Othman (BN-Kuala Linggi) pada hari kedua Sidang Dewan Undangan Negeri di Seri Negeri, di sini, semalam.

Md Yunus berkata, kerajaan negeri pada masa ini melahirkan keyakinan cadangan penubuhan MPHJ akan mendapat kelulusan paling awal atau segera daripada Kerajaan Pusat. Katanya, penubuhan tiga PBT baru itu diharap akan dapat membantu hasrat kerajaan untuk merealisasikan wawasan menjadikan Melaka sebuah negeri bertaraf bandar dan mengamalkan teknologi hijau. "Menerusi menerusi cadangan penubuhan itu, kita harap juga ia akan dapat memberi pekerjaan baru dan membantu prestasi kerajaan negeri dalam mengawal pengangguran sekali gus mengekalkannya pada tahap terendah berbanding negeri lain. "Dalam masa sama, ia juga sebagai satu peluang dalam melonjakkan taraf hidup rakyat kepada lebih baik membabitkan semua peringkat masyarakat," katanya. Md Yunus memberi jaminan penubuhan MPHJ tidak akan mengganggu gugat kedudukan Bandaraya Melaka Bersejarah sebagai tapak banda raya warisan dunia yang diberikan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Beliau bagaimanapun berkata, usaha untuk mendapat status majlis perbandaran bagi ketiga-tiga kawasan yang dicadangkan itu bukan mudah kerana ia perlu memenuhi tujuh kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat. Antaranya, kawasan yang dicadang mesti sebagai bandar utama, populasi penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang, memiliki sumber pendapatan yang mapan dengan hasil tahunan sebanyak RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan tahap sesuai bagi kualiti hidup perbandaran. Selain itu mempunyai aktiviti perindustrian, pelancongan dan perbandaran sedia ada selain perancangan yang dikenal pasti berpotensi serta menyediakan ruang kepada peniaga dan menggalakkan pertumbuhan pelaburan.

**Khamis, 14 Julai, 2011**

**Lima MoU kerjasama dimeterai**

**Oleh Mior Kamarul Shahid dari London bhnews@bharian.com.my**



**NAJIB dan Vince berbual sebelum majlis menandatangani MoU di Hotel Four Seasons, London, semalam.**

**Malaysia, UK tumpu khidmat pengangkutan, latihan serta pendidikan**

MALAYSIA dan United Kingdom (UK) semalam menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) bagi mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang membabitkan kerajaan kedua-dua, sektor swasta dan universiti terkemuka. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dalam lawatan rasmi lima hari ke UK menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu di Hotel Four Seasons di sini. Turut serta Setiausaha Negara bagi Perniagaan, Inovasi dan Kemahiran (BIS) UK, Dr Vince Cable yang sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri. Turut hadir Menteri Luar, Datuk Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Zahid Hamidi. Perjanjian pertama membabitkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan kerajaan UK dan Ireland Utara berhubung kerjasama perkhidmatan kereta api. Ia membabitkan kerjasama mempercepatkan pembangunan kereta api bandar di Malaysia seperti MRT di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang serta perkhidmatan kereta api antara bandar seperti Projek Dua Landasan yang sedang diusahakan. Turut ditandatangani adalah untuk mempercepatkan pembangunan dan pengeluaran Fasa 3 Cendor Luar Pantai Semenanjung Malaysia antara PETRONAS dan Petrofac Limited, di bawah Perkhidmatan Suruhanjaya Pelabuhan (PSC), termasuk pembinaan blok di Desaru Barat. MoU lain adalah:

- ❑ Kerjasama Latihan Teknikal dan Pembangunan Keupayaan antara PETRONAS dan Petrofac Limited yang menjadikan kedua-dua rakan kongsi yang kukuh, di samping mewujudkan hubungan pengusaha perusahaan minyak dan gas untuk meningkatkan keupayaan industri dan memenuhi keperluan rakan kongsi berhubung tenaga latihan teknikal.
- ❑ Antara Universiti Warwick dan Universiti Pertahanan Malaysia bagi kerjasama menjalankan kursus Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan bagi program pertahanan dan keselamatan untuk tempoh enam tahun; dan
- ❑ Antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan Universiti Reading bagi menyediakan peluang mengukuhkan penyelidikan dan kerjasama akademik dalam bidang kejuruteraan cybernetic, perancangan bandar dan program pertukaran kakitangan dan pelajar di bawah Global Outreach Programme (GOP). Najib juga menerima kunjungan Gabenor Bank Pusat Saudi, Mohamed Al Jaser diikuti kunjungan Pengerusi Lembaga Pengarah Standard Chartered, Sir John Peace.

**Jumaat, 15 Julai, 2011**

### **Nafi dakwaan sogok Hospital Tung Shin RM2j**

KUALA LUMPUR: **Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Liow Tiong Lai**, menafikan bahawa kerajaan memberi sogongan sebanyak RM2 juta kepada pengurusan Hospital Tung Shin, di Jalan Pudu, ketika lawatannya supaya pihak hospital tidak melaporkan dakwaan polis menyembur gas pemedih mata sehingga memasuki kawasan hospital ketika perhimpunan haram, Sabtu lalu.

Bagaimanapun beliau mengakui melawat ke Hospital Tung Shin, beberapa hari lalu, tetapi ia adalah bagi mendapatkan maklumat berhubung kejadian itu dan bukan untuk sogongan seperti didakwa beberapa pihak. "Ini tidak betul, ia hanya satu dakwaan," katanya semalam. Sebelum ini, beberapa doktor dari hospital terbabit mendakwa menjadi saksi dan mempunyai bukti melalui gambar serta video berhubung tindakan polis menyembur gas pemedih mata dan pancutan meriam air dengan cara yang salah, termasuk menembak gas terlalu dekat dengan kawasan berkenaan. Bagaimanapun, Liow berkata, perkara itu sudah dimaklumkan kepada Kabinet dan siasatan lanjut akan diadakan berhubung kejadian terbabit.

**Jumaat, 15 Julai, 2011**

### **MB diminta perjelas status sebenar i-City**

SHAH ALAM: Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad meminta Menteri Besar, **Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim** menjelaskan status sebenar Bandar Cahaya Digital, i-City, yang bakal dijadikan lokasi Konsert MTV World Stage pada 24 Julai ini. Beliau mempersoalkan kedudukan sebenar i-City sama ada ia sebagai pusat hiburan, pusat maklumat atau pusat pelancongan. "Saya menerima pelbagai aduan daripada penduduk sekitar kerana mereka terpaksa berhadapan pelbagai masalah antaranya, kesesakan lalu lintas dan bunyi bising. "Difahamkan penduduk sekitar ada membuat aduan tetapi tiada tindakan diambil sehingga kini. i-City bukan lokasi terbaik untuk penganjuran konsert," katanya pada sidang media di Bangunan Annexe di sini, semalam. Khalid yang juga Timbalan Pesuruhjaya III PAS negeri berkata, petisyen mengandungi 2,500 tandatangan yang kebanyakannya ditandatangani penduduk sekitar Seksyen 7 itu sudah diserahkan kepada Abdul Khalid. Sementara itu, pada sidang media sama, beliau mempersoalkan status Hospital Shah Alam yang terbengkalai tanpa sebarang tindakan. "Saya ada membangkitkan isu ini pada persidangan di Parlimen dan Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berjanji akan menjalankan semula kerja pembinaan pada Jun lalu tetapi sehingga kini, tiada tindakan diambil. "Jabatan Kerja Raya (JKR) sepatutnya mengambil alih projek pembinaan hospital ini," katanya sambil menambah perkara itu sudah dibawa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) untuk tindakan lanjut.

**Jumaat, 15 Julai, 2011**

### **Pembeli kecewa CF belum lulus**

PETALING JAYA: Kerajaan pakatan pembangkang Selangor dibidas kerana sengaja melengah-lengahkan meluluskan permohonan sijil layak menduduki (CF) dan pertukaran hak milik tanah projek perumahan Bandar Alam Perdana di Ijok, sekali gus melemparkan impian pembeli untuk memasuki rumah mereka selepas terbengkalai sejak 2002. **Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Idris Haron**, berkata sikap berdolak dalik kerajaan Selangor itu nyata mewujudkan banyak masalah terutama kepada pembeli kerana mereka dihantui beban hutang pinjaman bank yang tinggi, walhal projek pemulihan SPNB itu sudah 92 peratus siap dan sedia untuk diduduki. "Cara kerajaan pakatan pembangkang Selangor menangani masalah ini umpama pemikiran Yahudi dengan meletakkan kepentingan politik ke atas segala-galanya.

Pelbagai cara digunakan untuk menghalang projek yang dilakukan Kerajaan Pusat itu siap sepenuhnya sebelum diserahkan kepada pembeli. "Kerajaan negeri tidak memandang masalah rakyat berkenaan dan berfikiran ia boleh diselesaikan jika pembeli mengundi dan memenangkan calon mereka pada pilihan raya akan datang. "Tindak tanduk mereka itu umpama bak kata pepatah 'menahan lukah di pergantingan' dan cuba menunjukkan kepada rakyat betapa berkuasa mereka dalam menangani hal ini dengan tidak mengeluarkan CF serta meluluskan pertukaran hak milik tanah berkenaan," katanya pada sidang media di Sri Pentas di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan SPNB, Prof Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Rangkaian Televisyen dan Ketua Pegawai Eksekutif, Perniagaan Antarabangsa Media Prima Berhad, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan. Idris berkata, sepanjang tiga tahun memerintah Selangor, kerajaan pakatan pembangkang langsung tidak mengendahkan projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah untuk rakyatnya, sebaliknya apabila SPNB memulihkan projek terbengkalai, mereka terpaksa berdepan dengan liku ranjau yang sengaja diadakan-adakan. "Rakyat berkehendakkan rumah kos rendah yang mampu dimiliki, sebaliknya kerajaan Selangor begitu megah dengan projek perumahan mewah yang segelintir rakyat boleh membelinya. Tetapi, apabila SPNB memulihkan projek terbengkalai untuk kemudahan rakyat, mereka enggan membantu. "Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak pernah meminggirkan masalah rakyat, malah tanpa mengira fahaman politik mereka ini dibantu. Sampai satu peringkat projek yang gagal dibina pemaju swasta, diambil alih semata-mata untuk meringankan beban rakyat," katanya. Sementara itu, Kamarul Rashdan berkata, Bandar Alam Perdana adalah projek perumahan terbesar sedang dibaik pulih oleh SPNB membabitkan 2,500 unit rumah pangsa kos rendah lima tingkat berharga RM35,000 seunit. "Secara keseluruhan, SPNB membelanjakan RM173 juta untuk membaik pulih projek ini melalui dana yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat dan ia dijangka siap sepenuhnya pada November ini," katanya.

**Sabtu, 16 Julai, 2011**

### **Sengaja lengah CF (HL)**

KUALA LUMPUR: Hampir 1,000 unit rumah terbengkalai bernilai lebih RM100 juta yang siap dibaik pulih Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sejak beberapa tahun lalu, di empat negeri ditadbir pakatan pembangkang tidak dapat diserah kepada pembeli kerana kesukaran memperoleh sijil layak menduduki (CF). Daripada jumlah itu, 260 unit membabitkan rumah kos rendah dan mampu milik di Pulau Pinang, Kelantan (214 unit), Kedah (41 unit) dan Selangor (435 unit). **Pengarah Urusan SPNB, Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh**, berkata keadaan itu menyebabkan rumah berharga RM25,000 hingga RM45,000 yang antaranya dibaik pulih dengan kos RM70,000 seunit akibat kerosakan keseluruhan komponen, lewat mendapat CF. Beliau berkata, keadaan itu berlaku berikutan pelbagai kerentah birokrasi pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk pertukaran syarat kelulusan serta prosedur lain yang sentiasa berubah-ubah. "Sebagai contoh, ketika mula projek, PBT beri kelulusan untuk kita membaik pulih rumah berkenaan mengikut pelan asal pemaju terdahulu seperti ditandatangani dalam surat perjanjian jual beli, namun apabila projek siap dan kita memenuhi syarat dan terma ditetapkan, mereka buat perubahan dan kata pelan itu tidak mematuhi syarat dan diminta menukar pelan lain. "Ada juga kes, apabila kita dapat kebenaran daripada PBT dan melaksanakan kerja baik pulih, mereka meminta kita menghentikan projek yang sudah setengah siap dan mahukan kita melaksanakan cadangan awal dan memulakan semula keseluruhan projek. "Kita tidak faham kenapa PBT berkenaan mengambil tindakan sedemikian sedangkan rumah yang siap boleh diserahkan kepada pembeli yang sebahagiannya terpaksa membayar pinjaman bank dan menyewa rumah lain sementara menunggu rumah yang dibeli siap," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Kelmarin, Pengerusi SPNB, Datuk Idris Haron membidas Kerajaan Selangor yang sengaja melengah-lengahkan proses melulus permohonan CF dan pertukaran hak milik tanah projek perumahan Bandar Alam Perdana, Ijok, sekali gus melenyapkan impian pembeli memasuki rumah selepas terbengkalai sejak 2002. Katanya, sebagai agensi pelaksana pihaknya sentiasa komited melaksana projek terbengkalai di seluruh negara berikut pelbagai masalah seperti pemaju menghadapi masalah kewangan atau tidak memenuhi syarat ditetapkan. "Kepakaran agensi ini sudah terbukti dan berjaya memulihkan banyak projek perumahan terbengkalai di seluruh negara sejak 2001. "Daripada rumah dibiarkan terbengkalai, kosong, menjadi sarang penagih dadah..."

Kerajaan Pusat mengambil inisiatif, mengeluarkan peruntukan untuk membantu membaik pulih projek dan seharusnya usaha ini mendapat kerjasama kerajaan negeri dan PBT. "Sekiranya ada persefahaman, saya yakin kita boleh serah rumah dengan cepat kepada pembeli kerana mereka sudah menunggu lama, ada yang menunggu lebih 20 tahun. "Ini... mereka lihat rumah sudah siap, cantik, tapi tidak boleh masuk sebab tiada CF. Sebagai kerajaan negeri kita kena buat sesuatu untuk bantu rakyat, bukan kerana ada konflik (dengan Kerajaan Pusat), rakyat jadi mangsa," katanya. Sementara itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung ketika dihubungi, menggesa semua PBT ditadbir kerajaan pembangkang bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi membolehkan sesuatu projek perumahan rakyat dibina dan dibaikpulih segera.

**Sabtu, 16 Julai, 2011**

### **Moderat kembang ekonomi**

DATUK Seri Najib Razak menegaskan bahawa pendekatan moderat yang diamalkan di Malaysia membawa hasil iaitu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Perdana Menteri berkata, sebagai negara pelbagai budaya, dihuni majoriti rakyat Islam, usaha memupuk perpaduan dan harmoni adalah tunjang kepada segala-galanya - Malaysia adalah negara toleran sifir terhadap ekstremis. "Di Malaysia, kami moderat bukan kerana ia tindakan yang betul. Kami moderat kerana ia terbukti membawa hasil," katanya sambil menambah, "ekonomi kami berkembang kerana kami moderat," katanya pada Forum Pelaburan Global di Hotel Claridges, hotel tua yang terkenal sejak dua abad lalu. Forum itu dihadiri pelabur, pengusaha dan ketua-ketua industri untuk mengetahui peluang pelaburan di Malaysia. Najib berkata, Malaysia meletakkan fokus kepada masa depan negara dengan mengambil kira kemajuan yang dibina daripada pengalaman politik, sosial dan ekonomi moderat. Katanya, pasaran - tidak pernah menjadi 'peminat' kepada ekstremis kewangan. "Percayalah kepada kami, kerana kami moderat, pelabur menyimpan wang mereka dengan kami kerana kami moderat," tambahnya. Najib menjelaskan disebabkan rakyat dan kerajaan berusaha mengharungi gelora ekonomi global dan mewujudkan hubungan antara satu dengan lain, menggunakan pendekatan moderat membuka jalan yang jelas ke arah pertumbuhan ekonomi.

"Timur sedang bangkit," katanya menyebut ungkapan yang sering didengar sebelum ini - biasanya bersama pemerhatian bahawa 'Barat sedang jatuh.' Ia mungkin benar kerana ekonomi Asia tumbuh lebih enam peratus setiap tahun sejak lima tahun lalu manakala pertumbuhan Eropah hanya sekitar satu peratus. Bagaimana pun, katanya, ini tidak bermakna Timur dan Barat berada pada hujung jungkang-jungkit (see-saw) yang biasanya bila sebelah naik, sebelah lagi turun. Najib menegaskan Malaysia menolak anggapan lapuk 'mengambil sikap memihak' dalam perdagangan dan hubungan antarabangsa, sebaliknya bekerjasama dengan semua pihak berdasarkan pendekatan pelbagai hala baru. Najib menjelaskan Malaysia adalah antara negara yang berada pada kedudukan sepuluh ke atas di kalangan negara paling kompetitif di dunia. Semua ini dicapai dengan cara bekerja bersama sektor swasta dan mencari sumber kekuatan, sumber baru pertumbuhan dan mendapatkan kelebihan kompetitif.

Najib menjelaskan Model Baru Ekonomi (MBE) akan memberi hasil meningkatkan peranan sektor swasta dan menjadikan Malaysia dalam kedudukan lebih menarik kepada pelabur global. Ia akan menghindarkan kerentan dan menyediakan insentif selain meningkatkan saingan dan memperbaiki suasana pelaburan. Paling penting, katanya, ia akan mengimbangi peranan sektor awam dan swasta kerana dalam dunia moden tidak wujud lagi 'kerajaan tahu segala-galanya.' Sebelum menunaikan solat Jumaat, Najib mengadakan pertemuan dengan pemimpin Islam United Kingdom. Najib menegaskan pentingnya umat Islam moderat berdasarkan wasatiyah. Katanya, suara moderat akan memberi imej yang baik kepada Islam.

**Isnin, 18 Julai, 2011**

### **Enggan keluar CF terus beban golongan berpendapatan rendah**

RUMAH adalah satu keperluan asas khususnya bagi golongan berpendapatan rendah. Menafikan hak golongan ini untuk mendiami rumah yang selesa adalah satu perbuatan tidak bertanggungjawab. Kita berasa kecewa apabila mendapat kerajaan negeri yang ditadbir pembangkang tidak mahu mengeluarkan sijil layak menduduki (CF) membabitkan rumah yang sudah dibaik pulih oleh **Syarikat Perumahan Negara Berhad** (SPNB). Keadaan itu menyebabkan pembeli yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah ini tidak dapat mendiami rumah yang mereka beli dan sampai bila mereka harus terus menunggu lagi. Pembeli terbabit bukan saja terpaksa menyewa rumah lain, lebih malang mereka juga ter paksa membayar pinjaman bank. Keadaan itu sudah pasti akan menambah keperitan golongan ini untuk menyara keluarga masing-masing. Kerajaan negeri pakatan pembangkang ini sepatutnya sedar bahawa perbuatan melengah-lengahkan pemberian CF hanya akan menyusahkan pembeli yang rata-rata adalah golongan berpendapatan rendah. Kerajaan negeri yang ditadbir pakatan pembangkang ini mengenakan pelbagai syarat dan alasan untuk tidak memberi CF kepada rumah yang sudah dibina. Berikut itu, kira-kira 1,000 unit rumah yang sudah dibaik pulih oleh SPNB tidak dapat diserahkan kepada pembeli, walaupun rumah terbabit sudah siap sepenuhnya. Daripada jumlah itu, 260 unit membabitkan rumah kos rendah dan mampu milik di Pulau Pinang, Kelantan (214 unit), Kedah (41 unit) dan Selangor (435 unit).

Persoalannya, kenapa kerajaan negeri pakatan pembangkang ini bertindak sedemikian. Mereka sepatutnya mendahului keperluan rakyat daripada kepentingan politik sempit mereka. Walaupun, pandangan mereka tidak selari dengan kerajaan Pusat itu tidak bermakna mereka boleh sewenang-wenangnya mengetepikan kesejahteraan rakyat. Keadaan itu seolah-olah disengajakan, apabila berlaku pelbagai kerentan birokrasi pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti pertukaran syarat kelulusan serta prosedur lain yang sering berubah-ubah. Kerajaan Barisan Nasional (BN) sudah mengambil tanggungjawab melalui SPNB membaik pulih projek rumah terbengkalai ini membabitkan kos RM100 juta. Kita yakin kerajaan BN berbuat demikian kerana prihatin dengan masalah yang dihadapi golongan itu untuk memiliki sebuah rumah. Justeru, kita amat berharap kerajaan negeri pakatan pembangkang tidak terus bermain politik dalam perkara ini. Walaupun, banyak pihak melihat ia sebagai usaha kerajaan negeri terbabit untuk mendapat 'nama' atas usaha pihak lain menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), namun ia bukan langkah bijak. Hentikanlah permainan politik ini, segeralah pengeluaran CF agar rakyat khususnya pembeli rumah terbabit dapat hidup dengan lebih selesa di rumah baru mereka.

**Selasa, 19 Julai, 2011**

### **73 majikan mengaku gaji 63,561 pekerja haram**

PENAMPANG: Program 5P – Pendaftaran, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran – membabitkan pendatang tanpa izin dan pekerja asing tanpa permit di Sabah yang bermula semalam, mencatat permulaan meyakinkan dengan 73 majikan mengakui menggaji 63,561 pekerja secara haram. Bermula sebulan lebih awal berbanding negeri lain, kebanyakan pekerja terbabit didaftar bekerja di ladang. **Pengarah Imigresen Sabah, Mohammad Mentek**, berkata ada majikan membuat pengakuan 4,000 daripada 11,000 pekerja asing di ladang mereka adalah pendatang tanpa izin. Kita mengatur temu janji khusus bagi majikan utama untuk mendaftar pekerja asing yang tidak memiliki dokumen sah, minggu depan," katanya ketika ditemui di Dewan Masyarakat Tun Fuad di sini, semalam.

Program pendaftaran selama dua minggu itu dilaksanakan di sembilan lokasi di seluruh negeri merangkumi Dewan Masyarakat Tun Fuad Penampang, Dewan Tun Mustapha Kudat, Dewan Serbaguna Ranau, Dewan Masyarakat Sibuga Sandakan, Dewan Masyarakat Sipitang, Dewan Sri Inabah Semporna, Dewan Masyarakat Keningau dan Dewan Perdana Lahad Datu. Masa pendaftaran bermula jam 8 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat, manakala Sabtu dan Ahad dari jam 8 pagi hingga 1 petang. Mohammad berkata, program pendaftaran berjalan lancar dan pihaknya yakin sembilan pusat yang dibuka di seluruh negeri berupaya mendaftar sehingga 500 permohonan pada hari pertama. Bagaimanapun, katanya, bilangan berkenaan dijangka berkurangan menjelang berakhirnya program berkenaan dalam tempoh dua minggu. Proses pendaftaran membabitkan pengambilan profil warga, gambar dan cap jari pendatang tanpa izin terbabit bagi rekod pangkalan data biometrik kebangsaan. Warga asing yang dikategori sebagai pendatang tanpa izin adalah mereka yang memasuki Malaysia secara haram, tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan, mereka yang melanggar syarat permit kerja dan yang memiliki pasport tidak

**Selasa, 19 Julai, 2011**

### **RM460,000 anjur program institusi kebajikan**

KUALA LUMPUR: Kerajaan menyediakan geran berjumlah RM10,000 kepada setiap Lembaga Pelawat Institusi Kebajikan Masyarakat di seluruh negara, mulai tahun ini bagi membantu mengadakan lebih banyak program. **Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil**, berkata sebagai permulaan, kerajaan melalui kementeriannya memperuntukkan geran sebanyak RM460,000 untuk diagihkan kepada 46 Lembaga Pelawat institusi berkenaan. Katanya, lembaga pelawat itu memainkan peranan penting sebagai mata dan telinga untuk membantu memberi maklum balas, pandangan atau nasihat berhubung program dan aktiviti yang dijalankan Institusi Kebajikan Masyarakat. "Jadi, secara tidak langsung, ia memudahkan segala masalah dan keperluan penghuni institusi ini seperti Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, anak yatim dan miskin diusulkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya tindakan sewajarnya dijalankan. "Kementerian berharap dengan pemberian geran dana ini, ia turut akan menjadikan pengurusan Lembaga Pelawat lebih aktif, cemerlang dan meningkatkan kebajikan golongan sasaran kami," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Lembaga Pelawat Institusi Kebajikan Masyarakat di Hotel Berjaya Times Square, di sini, semalam. Negara memiliki 63 Institusi Kebajikan Masyarakat dengan 46 daripadanya mempunyai lembaga pelawat. Pada majlis sama, Shahrizat menyampaikan sumbangan peribadi berjumlah RM5,000 kepada kumpulan koir persembahan yang terdiri daripada penghuni institusi berkenaan bagi meringankan beban mereka untuk menyediakan kelengkapan diri menjelang Aidilfitri.

Sementara itu, Shahrizat membidas tindakan kerajaan DAP Pulau Pinang yang menimbulangkan pemberian RM100 kepada setiap bayi yang dilahirkan mulai tahun ini jika seorang daripada ibu bapanya adalah pengundi di negeri berkenaan. "Isu kebajikan atau bantuan kepada rakyat perlu ikhlas kerana ia adalah tanggungjawab pemimpin, jangan dipolitikkan, dipermain atau dijadikan gimik meraih pengundi. "Janganlah bersikap 'pukul gendang bertalu satu Malaysia', pada hal nilai diberi hanya RM100 dan secara terang-terangan bermotifkan politik," katanya.

**Selasa, 19 Julai, 2011**

### **Subsidi, insentif tingkat hasil tani**

ANDAI dibandingkan sekarang dengan ketika di awal merdeka, Malaysia sudah mengalami perubahan dan kemajuan yang sangat pesat termasuk dalam sektor pertanian negara. Menerusi pelaksanaan tiga dasar pertanian negara yang dilaksanakan sebelum ini pengeluaran hasil pertanian makanan negara mencapai tahap yang begitu memberangsangkan dan menyumbang kepada peningkatan tahap sara diri beberapa jenis makanan utama rakyat negara ini. Peningkatan dapat dilihat daripada sektor tanaman seperti beras yang sudah mencapai 72.2 peratus, sayuran 66.3 peratus dan buah-buahan 43.5 peratus, manakala untuk sektor ternakan negara tidak perlu lagi mengimport daging, itik dan telur kerana tahap SSLnya sudah melebihi 100 peratus begitu juga dengan ikan yang sudah mencapai 101.7 peratus. **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar**, berkata pencapaian ini terhasil daripada usaha kementerian yang sentiasa memberi galakan, dorongan dan bantuan berterusan kepada petani kecil dalam usaha meningkatkan pengeluaran. "Bantuan yang diberikan termasuklah khidmat kepakaran dan pemindahan teknologi menerusi insentif Amalan Teknologi Tanaman Buah-buahan. "Kita juga memberi bantuan dalam bentuk benih berkualiti, baja dan racun, sistem pengairan dan mekanisasi ladang yang berjumlah RM6,000 bagi setiap hektar. "Bantuan yang sama turut diberikan bagi Insentif Amalan Teknologi Tanaman Sayuran dan Tanaman Ladang," katanya.

Untuk Insentif Kawasan Tanaman Kelapa bagi tujuan pemulihan dan penanaman kelapa juga disediakan iaitu dalam bentuk benih berkualiti, baja dan racun, penebangan dan pembersihan kawasan, pembinaan sistem perparitan dan pembajaan tanah. Kadar bantuan yang diberikan berjumlah RM20,000 sehektar bagi Projek Penanaman Semula Kelapa dan RM5,000 sehektar untuk Program Pemulihan Kawasan Kelapa. "Kementerian melalui jabatan dan agensi di bawahnya juga menjalankan pelbagai program dan projek sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan petani dan negara yang terdiri daripada golongan miskin di luar bandar. "Program yang dijalankan termasuklah Projek AZAM Tani, Program Pembangunan Industri Asas Tani, Program Basmi Kemiskinan Nelayan, Program Peningkatan Pendapatan Nelayan, Program Transformasi Nelayan, Program Pasar Nelayan dan Pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan," katanya.

Bagi membantu petani, kementerian memberikan pelbagai jenis bantuan kepada petani yang mengusahakan tanaman padi dan bantuan ini diberikan adalah melalui bentuk pemberian subsidi dan insentif. Berdasarkan perkiraan, setiap petani yang menanam padi menerima subsidi sebanyak RM3,3000 sehektar berbanding kos pengeluaran purata padi per hektar sebanyak RM3,800 sehektar dan ini bermakna kerajaan memberi subsidi sebanyak 86 peratus daripada kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh petani. Buat masa ini, kerajaan tidak merancang untuk menggantikan pemberian subsidi dan insentif secara tunai dan perkara ini memerlukan kajian dan pemerhatian terperinci kerana pemberian secara tunai lebih terdedah kepada penyelewengan dan ketirisan. Selain memberi insentif dan bantuan kepada petani sedia ada, peruntukan juga disediakan untuk menggalakkan golongan generasi muda termasuk siswazah Tani. Pada 2010 peruntukan sebanyak RM2 juta disediakan sebagai galakan, bantuan dan insentif.

Seramai 217 generasi muda yang layak dipertimbangkan bantuan dan kemudahan berbentuk geran pembangunan iaitu pada had maksimum RM10,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM12,000 untuk Sabah dan Sarawak. Sehingga kini seramai 153 orang generasi muda diberikan surat kelulusan geran, manakala 64 orang generasi muda (belia) diletakkan di bawah Program Penyeliaan Kolej Pertanian Malaysia dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dengan kerjasama pengusaha anchor seperti Wan Malinja Food Industries Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan Food Kebab.

Pelbagai lagi program diatur untuk generasi muda seperti pembangunan modal insan, kemahiran teknikal dan keusahawanan, pembangunan produk, tanah/premis perniagaan, pembiayaan serta promosi dan pemasaran. Antara aktiviti yang memfokuskan galakan kepada generasi muda termasuklah penyertaan dalam Karnival MAHA Youth (Hari Belia 2011), Karnival Jom Masuk U, MAHA dan Mini MAHA dan pada 18 September depan MOA akan mengajurkan Karnival Kerjaya Pertanian. Pengajuran kursus dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian terutama untuk golongan muda seperti Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) di Kolej Pertanian Malaysia di Bukit Tangga Kedah, Program Belia Tani ke Jepun - Jabatan Pertanian, Program Inkubator Usahawan Tani, Belia Tani dan banyak lagi.

Mengulas langkah yang diambil kerajaan untuk meningkatkan hasil keluaran, Noh berkata, MOA mengambil pendekatan mengenal pasti produk yang berpotensi mendapat permintaan yang tinggi serta baik. "Petani akan digalakkan untuk meningkatkan pengeluaran mereka kepada produk yang dikenal pasti dan dalam konteks ini Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) adalah projek yang dikenal pasti untuk menghasilkan produk yang mampu untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa. "Program Ladang Kontrak juga mekanisme yang berkesan untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan bersederhana dalam menjamin hasil pertanian mereka mendapat pasaran serta pulangan yang lebih baik," katanya. Bagi meningkatkan hasil, tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut diberi tumpuan di mana di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, kementerian menerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memberi tumpuan kepada 122 projek R&D iaitu sambungan berjumlah RM52.02 juta dari RMK-9 dan dijangka tamat pada 2012. Bagi tahun berikutnya sebanyak 111 projek R&D disasarkan membabitkan projek dengan kos berjumlah RM58.5 juta. Projek yang dilaksanakan adalah seperti tanaman padi, buah-buah seperti nanas, belimbing, betik, nangka, melon, produk industri asas tani, sayuran, kawalan penyakit, penggunaan baja dan sebagainya.

## INFO

### Projek peningkatan pendapatan kumpulan sasar

\* Projek AZAM Tani - Satu projek di bawah NKRA meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. MOA dipertanggungjawab membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka melalui pemberian bantuan bernilai RM10,000 hingga RM15,000 bagi setiap peserta dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Sasaran yang ditetapkan adalah untuk membantu 8,000 keluarga bagi tempoh 2010/2011. Pemilihan projek peningkatan ekonomi ini adalah projek berbentuk Quick Win iaitu mendatangkan hasil yang cepat antara tiga hingga enam bulan pelaksanaannya.

\* Program Pembangunan Industri Asas Tani - Bertujuan untuk melatih pengusaha daripada aspek pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran, pembungkusan, pelabelan, serta kursus teknikal termasuk cara memproses produk dan program kawalan kualiti. Projek Industri Asas Tani dibangunkan dengan menghasilkan produk bakeri, coklat, rempah, makanan sedia dimakan, minyak kelapa dara, nata de coco dan makanan ringan.

\* Program Basmi Kemiskinan Nelayan - Bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui pemberian berbentuk enjin sangkut, pukat dan kotak berinsulasi bagi tujuan menangkap ikan.

**Selasa, 19 Julai, 2011**

### **Basmi kemiskinan secara holistik**

PROGRAM membasi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat menjadi satu agenda utama kerajaan. Selaras hasrat murni kerajaan itu, **Lembaga kemajuan Ikan Malaysia** (LKIM) juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan khususnya nelayan miskin dan berpendapatan rendah. Sejak sekian lama, LKIM melaksanakan strategi membasi kemiskinan di kalangan nelayan secara holistik dengan menggalakkan pemilikan bot dan alat tangkapan moden kepada nelayan, penyediaan kemudahan infrastruktur, kemudahan pemasaran ikan, penubuhan Persatuan Nelayan (PN) dan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA), galakan peningkatan kemahiran dan keusahawanan nelayan; serta pelaksanaan pelbagai program pembangunan. Ketua Pengarah LKIM, Datuk Mohad Khazin Hamzah, berkata dengan objektif untuk meningkatkan kadar pemilikan bot di kalangan nelayan, LKIM pada satu ketika telah melancarkan skim pemilikan bot nelayan di mana LKIM membina bot yang serba lengkap dengan peralatan moden untuk dijual kepada nelayan secara sewa beli melalui Skim Sewa Beli Bot (SSB). Beliau berkata, LKIM juga memperkenalkan Skim Kemudahan Kewangan (SKK) bagi membiayai pembelian dan peningkatan bot nelayan dan Skim Kemudahan Pinjaman Pemasaran Ikan (SKPPI) untuk menggalakkan nelayan terbabit dalam aktiviti pemasaran ikan yang berjaya memberi faedah kepada 520 nelayan," ujarnya.

Bermula 2001, skim itu ditambah baik melalui pelancaran skim Dana Nelayan. Skop Dana Nelayan lebih luas merangkumi pembiayaan bagi pembelian dan peningkatan bot, akuakultur, pemasaran ikan, pemprosesan makanan dan bukan makanan, agro pelancongan nelayan dan lain-lain aktiviti berasaskan perikanan. Mohad Khazin menambah, sehingga Jun 2011 lalu, seramai 5,600 nelayan membuat pinjaman melalui Skim Dana Nelayan yang membabitkan peruntukan RM62.4 juta. Bagi menggalakkan nelayan tradisional berubah kepada nelayan moden dan komersial, LKIM telah melaksanakan program Transformasi Bot Nelayan Tradisi. "Melalui program ini 3-5 orang nelayan akan bergabung secara penubuhan syarikat dan bot kecil mereka akan diganti dengan bot berkuasa tinggi secara hak milik bersama," katanya. Sebanyak 34 buah syarikat telah berjaya ditubuhkan membabitkan penyertaan seramai 112 nelayan. Menerusi program tersebut, nelayan pantai bukan saja dapat meningkatkan pendapatan tetapi juga mengurangkan kebergantungan kepada subsidi kerajaan. Di samping itu, LKIM juga mewujudkan Pasar Nelayan bagi menggalakkan nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna sekali gus memperoleh pulangan harga yang lebih baik dan menguntungkan manakala pengguna mendapat bekalan ikan segar pada harga berpatutan. Nelayan yang menyertai Pasar Nelayan berjaya memperoleh pendapatan tambahan sehingga melebihi RM1,500 sebulan.

LKIM juga ujarnya, menyediakan bantuan berbentuk geran bagi meningkatkan pendapatan golongan sasar khususnya nelayan yang berada di bawah kategori Miskin Tegar, Miskin dan Mudah Miskin. Katanya, projek yang dibiayai adalah projek ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan nelayan antaranya pembiayaan kos pembelian peralatan menangkap ikan, projek pemasaran ikan, projek akuakultur dan insentif peralatan dan premis nelayan yang terbabit dalam aktiviti ekonomi. Ia juga terbuka kepada mereka yang tergolong dalam klasifikasi mikro IKS dalam perusahaan pemprosesan makanan, kraftangan, agro pelancongan, anyaman dan aktiviti asas tani yang lain. Setiap peserta diminta menjalani kursus sama ada sebelum atau selepas peralatan bantuan diserahkan kepada peserta. Kursus ini meliputi teknik kepada penggunaan peralatan, pengurusan kewangan, pemasaran serta motivasi keusahawanan. "Sehingga 2010, LKIM mengenalpasti dan memberi bantuan kepada seramai 7,000 nelayan termiskin dan miskin dengan peruntukan RM32.3 juta.

"Pada 2009 dan 2010 saja, LKIM membantu 952 peserta miskin tegar dan miskin di dalam senarai e-Kasih di bawah Program Peningkatan Pendapatan Golongan Sasar (PPGS) berdasarkan lokasi Parlimen yang ditentukan oleh MOA," katanya. Bagi 2011 ini, pelaksanaan projek tertumpu kepada pelaksanaan projek Azam Tani yang membabitkan 1,000 peserta e-Kasih di Terengganu dan 1,000 peserta dari Sarawak. Di bawah projek ini, LKIM akan memberikan bantuan berbentuk projek peningkatan ekonomi bernilai maksimum RM10,000 hingga RM15,000 setiap peserta dari senarai e-Kasih yang terdiri dari golongan miskin tegar dan miskin. Selain itu, LKIM juga bertanggungjawab melaksanakan program bantuan Elaun Sara Hidup (ESH) Nelayan. Beliau menambah, ESH juga adalah sebagai dorongan kepada sektor industri perikanan supaya kekal berdaya maju dan bagi meningkatkan produktiviti dalam pengeluaran bekalan ikan negara.

Hasilnya melalui program ini, seramai 64,039 nelayan termasuk pekerja bot nelayan tempatan berupaya mengurangkan kos sara hidup dan operasi tangkapan ikan masing-masing. Dalam usaha kerajaan membantu nelayan untuk memiliki rumah sendiri, LKIM melaksanakan program Penempatan Semula Nelayan dengan membantu nelayan yang berminat untuk memasuki rancangan tanah Kerajaan Persekutuan dan Negeri. LKIM juga bekerjasama dengan pelbagai kementerian/jabatan/agensi lain bagi mewujudkan penempatan nelayan secara tersusun dengan mengintegrasikan aktiviti ekonomi di kawasan setempat. Katanya, sehingga kini enam projek penempatan nelayan dilaksanakan yang membabitkan 1,071 nelayan. Terkini, penempatan semula nelayan di Tok Bali, Kelantan sedang dilaksanakan dan dijangka siap Ogos ini.

**Rabu, 20 Julai, 2011**

### **Lesen bank Islam mega dilulus**

BANK Negara Malaysia akan mengeluarkan lesen bagi operasi bank Islam mega pada suku ketiga tahun ini dalam usaha membantu menggerakkan dana perniagaan di seluruh dunia, kata **Gabenornya Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz**. Malaysia juga akan turut memulakan platform penjelasan sukuk rentas sempadan dalam tempoh itu, katanya dalam temubual dengan agensi berita Bloomberg di Jakarta, semalam. Inisiatif itu, katanya adalah sebahagian rancangan untuk membantu mengisi ruang dalam industri kewangan Islam global bernilai AS\$1 trilion. "Perbankan Islam perlu mempunyai saiz untuk melaksanakan urus niaga rentas sempadan. Mereka memerlukan tenaga kerja bermutu tinggi, berupaya melabur dalam teknologi dan perlu membina rangkaian ke seluruh dunia. "Semua ini akan membabitkan kos tinggi melainkan mereka mempunyai saiz. Disebabkan itu ada minat untuk membentuk bank sedemikian," katanya. Industri kewangan Islam kini kekurangan institusi komersial yang berupaya mengendalikan urus niaga besar. Permintaan untuk perkhidmatan berlandaskan syariah sedang meningkat sejajar dengan pertambahankekayaan penduduk Islam dunia yang berjumlah 1.6 bilion, ia dirangsang oleh pertumbuhan ekonomi Asia dan pendapatan daripada sumber minyak mentah di negara Teluk.

Bank Negara sebelum ini mengumumkan, hasrat penubuhan bank Islam mega di Malaysia dengan modal berbayar lebih AS\$1 bilion. Pada April 2009, kerajaan mempelawa pelabur asing menujuhkan dua bank Islam mega di negara ini bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam utama antarabangsa. Penubuhan bank Islam mega, yang ekuitinya boleh dimiliki sehingga 100 peratus oleh pelabur asing itu ditawarkan sebagai sebahagian proses liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan. Tawaran itu adalah pertama seumpamanya kerana kini belum ada bank Islam bersaiz sedemikian beroperasi di mana-mana tempat di dunia dan ia dijangka mampu membantu melonjakkan lagi sektor perbankan Islam global. Zeti berkata, bank mega itu akan ditubuhkan secara usaha sama oleh konsortium pemegang saham dari negara yang berlainan, tetapi ia tidak dinyatakan. "Perbankan Islam perlu mempunyai saiz untuk melaksanakan urus niaga merentas sempadan.

Mereka akan datang bersama dan membawa pasukan tenaga kerja bermutu tinggi," katanya. Malaysia, yang merintis kewangan berlandaskan sejak 30 tahun lalu, merancang memperkenalkan pelan induk sektor kewangan baru pada September ini dalam usaha untuk mengukuhkan peranannya dalam industri, kata Zeti. Sementara itu, katanya satu platform penjelasan untuk sukuk akan dilancarkan pada suku ketiga. "Ini akan meningkatkan kecekapan dalam urus niaga, jika tidak sukuk mata wang asing perlu dijelaskan mengikut zon masa yang berlainan," katanya.

**Khamis, 21 Julai, 2011**

### **RM5 juta untuk kartunis**

PEMBERIAN dana berjumlah RM5 juta kepada kumpulan pelukis kartun yang diumumkan **Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim**, Selasa lalu disambut dengan sorakan serta tepukan gemuruh daripada lebih 50 kartunis yang hadir pada majlis makan tengah hari bersama Konsortium CAW (Cartoonist At Work). Pemberian dana berkenaan disambut positif kartunis yang terbabit kerana disifatkan mereka dapat melicinkan lagi usaha untuk menggembangkan kembali nama pelukis komik yang kian dilupakan. "Dana RM5 juta itu penting demi masa depan karya lukisan kartun. Produk kartun juga berpotensi untuk dijadikan produk yang boleh dinilai masyarakat dan ia tidak seharusnya berakhir pada kertas saja. "Sebaliknya lukisan kartun juga boleh dikembangkan menjadi sebuah animasi sama ada dalam bentuk episod mahupun filem. Saya berharap melalui pemberian dana ini, kartunis ini akan menjadi lebih produktif lagi dalam menghasilkan lukisan yang boleh diketengahkan menjadi animasi. "Apabila rancangan ini berjaya dilaksanakan kelak, kita akan berbincang dengan RTM dan Bernama supaya memberi peluang kepada Konsortium CAW untuk mendapatkan slot tayangan di stesen mereka," kata Dr Rais ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis itu.

Menurutnya, selain RTM dan Bernama TV, animasi yang dihasilkan menerusi CAW mungkin boleh dijual kepada stesen lain atau dijadikan program bersendikit untuk dijual ke luar negara. "Selagi tidak mencuba, kita tidak tahu bagaimana hasilnya seperti animasi Upin dan Ipin. Satu ketika dulu, animasi berkenaan tidak dikenali malah susah untuk dijual, tetapi lihat saja sekarang, animasi itu menjadi sangat masyhur," katanya. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Seri Kamaruddin Siaraf; Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Tan Sri Khalid Ramli dan Penaung Konsortium CAW, Datuk Sohaimi Shahadan. Peluang bergelar usahawan. Konsortium CAW ditubuhkan 10 tahun lalu sebagai syarikat yang bertanggungjawab menguruskan kartunis yang terbabit di dalam penghasilan album untuk kumpulan GG Group, kumpulan Lalaq dan kartunis Taugeh dengan membawa mereka membuat persembahan pentas, aktiviti bersama kartunis, bengkel kartun, pameran kartun dan sebagainya. Kini terdapat 10 syarikat milik penuh kartus tanah air yang berpengalaman selama 10 hingga 20 tahun bernaung di bawah konsortium berkenaan untuk mengeluarkan produk kartun dan animasi bagi bersaing dengan syarikat sedia ada. Sohaimi berkata, sebelum ini kerajaan memang menyediakan dana untuk industri animasi. Walau bagaimanapun, dana berkenaan terlebih dulu diambil oleh syarikat produksi yang bukan berlatar belakang pelukis kartun.

"Sebelum ini, memang kerajaan menyediakan dana untuk industri animasi. Bagaimanapun, kebanyakan dana berkenaan sudah terlebih dulu direbut oleh syarikat penerbitan yang bukan terdiri daripada golongan kartunis ini. "Memang kartunis ini mempunyai hasrat untuk menghasilkan animasi, tetapi mereka tidak mempunyai 'otak keusahawanan', jadi mereka melepaskan peluang berkenaan. "Dana yang baru diwujudkan ini nampaknya dapatlah menjadi titik tolak kepada golongan kartunis khususnya yang terdiri daripada anggota CAW untuk memulakan langkah mereka di dalam penghasilan animasi," katanya.

Sementara itu, Azhan Arshad atau nama penanya Aan Budak Baik yang kini bertugas sebagai Editor komik G3 berkata, pemberian dana sebanyak RM5 juta itu dilihat sebagai satu anjakan paradigma kepada golongan kartunis. Katanya, sebelum ini mereka mendapat pelbagai tawaran mewah tetapi disebabkan tiadanya pengetahuan perniagaan, tawaran yang datang itu ditolak mereka. "Kami tidak pandai bisnes, jadi macam mana nak hasilkan animasi pendek ataupun filem menggunakan kemahiran yang kami ada. Dengan wujudnya dana ini, dapatlah kami menggunakan khidmat bimbingan dari saluran betul lebih-lebih lagi dengan adanya CAW ini," katanya.